



**AMAT Jutra (tujuh kanan) bersama penerima Bantuan Tabung Kebajikan Kekaumas.**

# 17 ahli Kekaumas terima khairat kematian

UB 28.7.2014 AG

**KOTA KINABALU:** Seramai 17 ahli Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (Kekaumas) menerima bantuan khairat kematian sempena bulan Ramadan dan Aidilfitri 2014.

Mereka yang layak menerima bantuan untuk khairat kematian ibu bapa, kematian anak, anak cemerlang, bencana alam dan ahli bersara.

Majlis penyampaian bantuan Tabung Kebajikan itu

disempurnakan oleh Presiden Kesatuan Kakitangan Am UMS, Amat Jutra Haji Musnih di Bilik Operasi Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan UMS. Turut hadir Ketua Biro Kebajikan Kekaumas Abdul Samat Lawi.

Dalam ucapan ringkasnya, Amat Jutra berkata penyampaian bantuan berkenaan adalah sesuai pada masa sekarang dalam menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri 2014.

Katanya, walaupun pemberian berkenaan agak lewat disampaikan, sekurang-kurangnya dapat juga serba sedikit meringankan beban kewangan mereka dalam persediaan menyambut hari lebaran.

“Pemberian bantuan berkenaan adalah layak diberikan kepada semua ahli kesatuan yang telah membayar yuran bulanan,” katanya.

Amat Jutra berkata, setiap ahli kesatuan hendaklah memaklumkan kepada Ketua Biro Kebajikan Kekaumas bagi urusan semakan dan mendapatkan bantuan tabung berkenaan.

Ahli kesatuan Amelia Abel dari Fakulti Psikologi dan Pendidikan, merasa terharu dengan bantuan Tabung Kekaumas yang diterimanya bagi bantuan khairat kematian anak tersayang yang meninggal dunia di Wilayah Persekutuan Labuan



**AMAT Jutra menyampaikan sumbangan kepada Siti Azizah Idris dari Perpustakaan UMS sambil diperhatikan oleh Abdul Samat.**

dan telah diuruskan dengan baik oleh pihak Kekaumas Induk (UMSKK) dan UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Beliau mengucapkan terima kasih kepada AJK kesatuan yang bertungkus-lumus membawa balik jenazah ke Kota Kinabalu.

Siti Azizah Idris ahli dari perpustakaan yang mendapat bantuan khairat kematian di atas kehilangan ibu tersayang mengucapkan syukur dan amat berterima kasih kepada pihak kesatuan kerana mengambil berat kebajikan ahli yang ditimpa musibah.

“Saya amat bersyukur kerana menjadi ahli Kekaumas yang tidak melupakan ahli yang dalam kesusahan,” katanya.

Dua ahli Kekaumas iaitu Marianie Kuntong dari Jabatan Pendaftar dan Matenoh Durin dari Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan yang bersara mengucapkan terima kasih dan bersyukur setelah menjadi ahli melebihi 10 tahun dalam kesatuan kerana mendapat bantuan kebajikan daripada Kekaumas.

Marianie berkata, ia adalah antara beberapa faedah yang diperolehi apabila menjadi ahli kesatuan selain dapat menikmati beberapa kebaikan hasil daripada perjuangan kesatuan daripada kerajaan.

“Saya menyeru kepada semua staf pelaksana UMS yang belum menjadi ahli agar segeralah menjadi ahli bagi masa hadapan mereka,” katanya.